

16/08/1999

Nasihat PM kepada rakyat mudah difahami

PELBAGAI isu perkembangan semasa berkaitan ekonomi, pembangunan, perpaduan dan politik yang dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya menghilangkan sebarang keraguan yang wujud dalam pertemuannya dengan pelbagai peringkat masyarakat dalam lawatan kerja dua hari ke Negeri Sembilan minggu lalu.

Menghabiskan masa kira-kira enam jam semuanya berucap dalam majlis rasmi yang dianjurkan di Seremban, Jempol dan Kuala Pilah, di samping mengadakan pertemuan khas dengan pemimpin Umno negeri dan bahagian, Perdana Menteri sudah tentu cukup puas untuk menjernihkan pemikiran yang kusut dan andaian yang timbul berpunca daripada silap faham atau diselewengkan oleh golongan berkepentingan.

Nasihat dan mesej yang disampaikan beliau kepada rakyat amat jelas serta mudah difahami. Semestinya rakyat dapat menerima dan menyelami apa yang tersirat apabila Dr Mahathir meminta mereka mengeratkan perpaduan, waspada terhadap ancaman negara asing, menentang golongan yang memecah-belahkan masyarakat dan mengutamakan kesepakatan dalam memajukan negara.

Beberapa pemimpin masyarakat, politik, kakitangan kerajaan dan penduduk kampung yang menghadiri perjumpaan dengan Perdana Menteri menyifatkan pesanan yang disampaikan menjadi perangsang untuk bergerak dalam satu pasukan memajukan negara dan menghapuskan segala anggapan yang wujud terhadap tindakan yang dilakukan kerajaan dalam menangani masalah yang melanda negara.

"Kita sebagai kakitangan kerajaan akur terhadap arahan dan dasar yang dilaksanakan, terutama dalam melaksanakan tugas untuk faedah rakyat.

"Walaupun ada kalangan kita dilabelkan memihak kepada pemimpin atau fahaman politik tertentu, kita sebenarnya menyokong kerajaan yang memerintah dan sedia berkhidmat dengan ikhlas.

"Siapa yang rugi jika program kerajaan yang disusun dan peruntukan disediakan tetapi sengaja dilewat-lewatkan atau atas sebab-sebab tertentu dipetisejukkan," kata beberapa pegawai kerajaan yang turut menghadiri sesi pertemuan dan dialog dengan Perdana Menteri.

Satu lagi perkara yang menarik dibangkitkan Dr Mahathir ialah meminta rakyat, terutama orang Melayu membentuk Melayu Baru dan Rakyat Malaysia Baru.

Kata beberapa pemimpin masyarakat dan politik, apa yang dibangkitkan Perdana Menteri itu memang kena pada masanya apabila beliau mengaitkan kejayaan pelayar, Datuk Azhar Mansor yang berjaya mengelilingi dunia secara solo dengan Jalur Gemilang dijadikan contoh terbaik pembentukan rakyat Malaysia Baru.

Mereka berkata, apa akan terjadi kepada orang Melayu yang menjadi bangsa teras negara ini jika mereka tidak sanggup bekerja keras mengubah diri untuk mencapai kejayaan lebih cemerlang dalam segala bidang.

Dalam pertemuan dengan rakyat, beliau beberapa kali menekankan pentingnya mereka supaya sentiasa bersyukur terhadap nikmat yang diterima daripada usaha yang dijalankan kerajaan, terutama dari segi pembekalan pelbagai projek pembangunan.

Sesiapa pun akan terkilan atau kecewa apabila orang yang memberikan sesuatu atau pertolongan tidak bersyukur selain mengucapkan terima kasih kepada orang yang dengan niat ikhlas menghulurkan bantuan.

Seorang pemimpin peneroka di Bandar Baru Seriting, Jempol menyatakan jika budaya ini cuba diserapkan parti pembangkang di kalangan peneroka tentulah

satu perkara menyedihkan.

"Pada umumnya sikap setia peneroka usahlah dipertikaikan, kecuali satu atau dua yang terpengaruh dengan dakyah parti pembangkang. Patutkah kita tidak bersyukur dan berterima kasih daripada nikmat yang diperolehi selama ini.

"Dulu kita tak ada sekeping tanah pun, tetapi sekarang dengan adanya rancangan tanah dibuka oleh Felda yang lengkap dengan pelbagai kemudahan, kehidupan keluarga berubah, anak dapat pendidikan sehingga peringkat tinggi selain memperolehi pendapatan tetap.

"Sepatutnya peneroka jangan percaya dan menerima langsung apa yang dicakapkan pemimpin parti pembangkang sama ada Pas atau Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kerana mereka hanya bijak memfitnah dan memburukkan pemimpin.

"Benarlah apa yang dikatakan Perdana Menteri apabila beliau meminta rakyat menolak pemimpin Pas yang hipokrit, memecah-belahkan masyarakat dan tindakan mereka jauh menyeleweng daripada ajaran agama," kata pemimpin itu.

Ketika mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno dan bahagian negeri pula, Dr Mahathir turut mengingatkan mereka terus mempertahankan perjuangan parti, jangan lupa daratan dan mengabdikan diri kepada masyarakat.

Difahamkan, Presiden Umno itu meminta mereka merapatkan barisan, memperkemaskan jentera pilihan raya dan dalam sebarang tindakan mesti mengutamakan kepentingan parti.

"Janganlah pertikaikan pemilihan calon yang dipilih mewakili Barisan Nasional (BN) untuk bertanding apabila diputuskan pucuk pimpinan. Lebih rumitkan lagi apabila ada bahagian menghantar rombongan menemui pucuk pimpinan untuk membantah kerana tidak suka calon itu dan ini.

"Usah fikirkan sangat siapa itu dan ini mewakili BN. Senang saja, tutuplah mukanya dengan lambang dacing, pangkah sajalah calon yang ditentukan itu asalkan mencapai kemenangan," kata seorang pemimpin bahagian yang ditemui.

(END)